

Motac nilai prestasi 25 inap desa di Sabah tahun depan

NST 3.12.2017 4
OLEH MARRYAN RAZAN

KUDAT: Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Sabah (Motac) akan membuat penilaian semula prestasi operasi kesemua 25 inap desa di Sabah, tahun depan.

Pengarah Motac, Ag Ahmad Zaki Abu Bakar berkata langkah itu bertujuan mengenal pasti inap desa yang masih aktif beroperasi selain mencari jalan untuk menambahbaik kualiti industri inap desa di negeri ini.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha homestay atau inap desa yang tidak aktif, termasuk membatalkan lesen.

“Mulai tahun depan, kita akan buat ‘pembersihan’ terhadap inap desa di Sabah yang tidak lagi aktif, kerana kita dapati terdapat beberapa inap desa sudah lama tidak beroperasi.”

“Penilaian semula dan penambahbaikan terhadap semua inap desa ini bertujuan menjaga kualiti inap desa-inap desa yang ada di negeri ini kerana kita akan fokus kepada kualiti homestay dan bukannya kuantiti,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program NBOS 1Malaysia VolunTourism: 1Malaysia Volunsharing: Pengalaman Homestay Bersama Media, di Misompuru Homestay Kudat, di sini, pada Jumaat.

Program tiga hari dua malam bermula 29 Nov anjuran MotacSabah itu disertai 16 peserta termasuk tujuh pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan kakitangan Motac Sabah.

Ag Ahmad Zaki berkata, antara inap desa di Sabah yang menunjukkan pencapaian membanggakan ialah Misompuru Homestay Kudat, Miso Walai Homestay Kinabatangan Sandakan, Walai Tokou Homestay Kundasang dan Seri Serbang Homestay Bongawan.

“Secara keseluruhannya, saya melihat perkembangan industri inap desa di Sabah berkembang dengan baik dan berjaya meningkatkan pendapatan para peserta inap desa dan penduduk kampung berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, selain penilaian semula, Motac Sabah akan memperhebatkan kempen ‘Kampungstay’ di kampung-kampung yang mengusahakan inap desa di bawah Program Visit My Kampung, mulai tahun depan.

Katanya, Kampungstay merupakan salah satu produk pelancongan yang berpotensi di kawasan luar bandar.

“Program ini adalah inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar bertujuan meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan. Pelaksanaan Kampungstay juga merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan Program Homestay,” katanya.

Katanya lagi, Kampungstay mempromosi produk pelancongan di mana para pelancong disediakan kemudahan penginapan tetapi tidak tinggal bersama tuan rumah, bagaimanapun para pelancong masih berpeluang berinteraksi serta mengikuti aktiviti masyarakat kampung’.

Objektif utama pelaksanaan Kampungstay adalah untuk menggalakkan penyertaan pen-

uduk kampung dalam industri pelancongan seterusnya meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat kampung, katanya.

“Program Kampungstay juga memberikan pilihan kepada pelancong untuk memilih jenis penginapan yang bersesuaian dengan kehendak mereka.

“Ini kerana ada pelancong yang suka ‘privacy’, jadi pengusaha inap desa mesti menyediakan kemudahan tempat tinggal yang kosong iaitu berasingan daripada tuan rumah,” katanya.

Ag Ahmad Zaki berkata, penduduk kampung yang ingin mewujudkan inap desa, mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah rumah dalam satu kampung yang menyertai program itu dan mempunyai aktiviti serta mematuhi beberapa garis panduan lain yang disediakan.

“Banyak aktiviti yang boleh dilaksanakan, misalnya ada inap desa yang memberi fokus kepada makanan tradisional, alam semulajadi, kraftangan, aktiviti lasak dan kebudayaan.

“Penduduk kampung yang berminat, boleh menghantar surat kepada Motac. Kita akan bagi garis panduan dan taklimat kepada peserta itu.

“Homestay dibawah Motac akan diberikan pengiktirafan, latihan, promosi dan publisiti. Kebaikan utamanya ialah limpahan ekonomi kepada komuniti setempat,” katanya.

Ag Ahmad Zaki berkata, walaupun pasaran utama inap desa lebih kepada pelancong luar negara namun kehadiran pelancong dalam negeri sentiasa dialu-alukan kerana masyarakat negeri ini mempunyai pelbagai budaya dan bangsa.

“Jika anda ingin merasai kehidupan kampung dan memahami budaya masyarakat lain ... pengalaman itu hanya dapat diperolehi melalui homestay,” katanya.

Rombongan media diberikan taklimat oleh Penyelaras Misompuru Homestay Kudat Datuk Jeffrey Ayah @ Cobra.



ALBUM ... Ag Ahmad Zaki (lima dari kanan), Jeffrey (empat dari kanan) bergambar bersama kumpulan pemuzik Rungus yang membuat persembahan pada malam Kebudayaan.



LAWAT ... Para peserta program dibawa melawat ke Telaga Minyak sebagai salah satu aktiviti inap desa di kampung berkenaan.